

# **PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 11 TAHUN 2015**

## **KADAR KELAYAKAN KEMUDAHAN CUTI REHAT TAHUNAN BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN**

**KEMUDAHAN CUTI REHAT TAHUNAN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN ADALAH DIPERUNTUKKAN MELALUI PEKELILING PERKHIDMATAN SEPERTI BERIKUT :**

- i. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 (PP Bil. 4/2002)
- ii. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 20 Tahun 2005 (PP Bil. 20/2005)
- iii. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2008 (PP Bil. 14/2008)

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 11 TAHUN 2015 – KADAR KELAYAKAN KEMUDAHAN CUTI REHAT TAHUNAN BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN:-**



Bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan bagi menambah baik kadar kelayakan kemudahan Cuti Rehat tahunan kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

**KADAR KELAYAKAN CUTI REHAT TAHUNAN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN SECARA PRINSIPNYA DITENTUKAN BERDASARKAN TARIKH LANTIKAN SEPERTI BERIKUT :**

- A. Bagi pegawai sedang berkhidmat yang dilantik sebelum 1 September 2005 dan menolak opsyen perubahan kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan seperti yang ditawarkan dibawah PP Bil. 14/2008, kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan ditetapkan mengikut peruntukan dalam PP Bil. 4/2002 adalah seperti dalam Jadual 1 :

Jadual 1 : Kadar Kelayakan Cuti Rehat Tahunan di bawah PP Bil. 4/2002

Kumpulan/Gred	Kurang 10 tahun Perkhidmatan yang Melayakkan	Genap 10 tahun Perkhidmatan yang Melayakkan
Pengurusan Tertinggi	30 hari	35 hari
31-54	30 hari	35 hari
21-30	25 hari	30 hari
1-20	20 hari	25 hari

B. Bagi pegawai sedang berkhidmat yang dilantik mulai 1 September 2005 hingga 31 Disember 2008 dan menolak opsyen perubahan kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan seperti yang ditawarkan dibawah PP Bil. 14/2008, kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan ditetapkan mengikut peruntukan dalam PP Bil. 20/2005 adalah seperti dalam Jadual 2 yang berikut :

**Jadual 2 : Kadar Kelayakan Cuti Rehat Tahunan di bawah PP Bil. 20/2005**

Kumpulan/Gred	Kurang 10 tahun Perkhidmatan yang Melayakkan	Genap 10 tahun Perkhidmatan yang Melayakkan
Pengurusan Tertinggi	30 hari	30 hari
31-54	30 hari	30 hari
21-30	25 hari	30 hari
1-20	20 hari	25 hari

- C. Bagi pegawai yang sedang berkhidmat yang dilantik sebelum 1 Januari 2009 dan bersetuju menerima opsyen perubahan kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan seperti yang ditawarkan dibawah PP Bil. 14/2008, kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan ditetapkan mengikut peruntukan dalam PP Bil. 14/2008 adalah seperti dalam jadual 3 yang berikut :

**Jadual 3 : Kadar Kelayakan Cuti Rehat Tahunan di bawah PP Bil. 14/2008**

Kumpulan/Gred	Kurang 10 tahun Perkhidmatan yang Melayakkan	Genap 10 tahun Perkhidmatan yang Melayakkan
Pengurusan Tertinggi	25 hari	25 hari
31-54	25 hari	25 hari
21-30	25 hari	25 hari
1-20	20 hari	25 hari

- D. Bagi pegawai lantikan pertama mulai 1 Januari 2009, kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan ditetapkan mengikut peruntukan dalam PP Bil. 14/2008 adalah seperti dalam Jadual 3 di atas.

E. Melalui PP Bil. 14/2008 juga, kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan bagi pegawai Perkhidmatan Awam lantikan kontrak dan sementara adalah ditetapkan seperti dalam Jadual 4 yang berikut :

**Jadual 4 : Kadar Kelayakan Cuti Rehat Tahunan bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Lantikan Kontrak dan Sementara mulai 1 Januari 2009**

Kumpulan/Gred	Kurang 10 tahun Perkhidmatan yang Melayakkan
Pengurusan Tertinggi	25 hari
31-54	25 hari
21-30	25 hari
1-20	20 hari

**DALAM PELAKSANAAN PENAMBAHBAIKAN KADAR KELAYAKAN CUTI REHAT TAHUNAN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN ADALAH SEPERTI BERIKUT:**

- a) bagi pegawai sedang berkhidmat yang **bersetuju memilih** kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan sebagaimana yang ditetapkan dalam **PP Bil. 14/2008** dan **dilantik ke jawatan lain** yang kadar kelayakan cuti rehatnya adalah **lebih tinggi**, kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan adalah berdasarkan **tarikh lantikan tetap pertama atau lantikan tetap baharu, mana-mana yang lebih tinggi** ; atau
  
- b) bagi pegawai sedang berkhidmat dan **bersetuju memilih** kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan sebagaimana yang ditetapkan dalam **PP Bil. 14/2008** dan **tidak dilantik ke jawatan lain**, kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan adalah berdasarkan **tarikh lantikan tetap pertama**; atau



- c) Bagi pegawai sedang berkhidmat yang **kekal** diberi kemudahan Cuti Rehat tahunan mengikut **PP Bil. 4/2002** atau **PP Bil. 20/2005** dan **dilantik ke jawatan lain** yang kadar kelayakan cuti rehatnya adalah **berkurangan**, kadar kelayakan cuti rehat tahunan adalah berdasarkan **tarikh lantikan tetap pertama**; atau
  
- d) Bagi pegawai sedang berkhidmat yang **kekal** diberi kemudahan Cuti Rehat tahunan mengikut **PP Bil. 4/2002** atau **PP Bil. 20/2005** dan **dilantik ke jawatan lain** yang kadar kelayakan cuti rehatnya adalah **lebih tinggi**, kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan adalah berdasarkan **tarikh lantikan tetap pertama atau lantikan tetap baharu, mana-mana yang lebih tinggi** ; atau
  
- e) Bagi pegawai sedang berkhidmat dan **kekal** diberi kemudahan Cuti Rehat tahunan mengikut **PP Bil. 4/2002** atau **PP Bil. 20/2005** dan **tidak dilantik ke jawatan lain**, kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan adalah berdasarkan **tarikh lantikan tetap pertama**; atau
  
- f) Bagi pegawai **lantikan tetap pertama** yang dilantik mulai **1 Januari 2009**, sama ada **dilantik atau tidak dilantik ke jawatan lain** selepas itu, kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan adalah berdasarkan **tarikh lantikan tetap pertama**.

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, kadar kelayakan kemudahan Cuti Rehat seperti yang terkandung di perenggan 3.1.3 (i-vi) adalah seperti didalam jadual 5 yang berikut :

**Jadual 5 : Kadar Kelayakan Cuti Rehat Tahunan bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan mulai 1 Januari 2016**

Tarikh Lantikan Pertama/Baharu	Kurang 10 tahun perkhidmatan yang melayakkan				Genap 10 tahun perkhidmatan yang melayakkan			
	Gred 1-20	Gred 21-30	Gred 31-54	Pengurusan Tertinggi	Gred 1-20	Gred 21-30	Gred 31-54	Pengurusan Tertinggi
Sebelum 1 September 2005	20 hari	25 hari	30 hari	30 hari	25 hari	30 hari	35 hari	35 hari
Mulai 1 September 2005 hingga 31 Disember 2008	20 hari	25 hari	30 hari	30 hari	25 hari	30 hari	30 hari	30 hari
Mulai 1 Januari 2009	20 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari

## **KESAN SAMPINGAN**

**Kadar kelayakan kemudahan Cuti Rehat tahunan bagi pegawai lantikan kontrak dan sementara yang kemudiannya dilantik secara tetap adalah ditentukan berdasarkan tarikh lantikan ke jawatan tetap.**

**Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, opsyen dan pemakaian kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan dibawah PP Bil. 14/2008 adalah terhenti berkuatkuasa mulai 1 Januari 2016.**

# PEMBATALAN PEKELILING PERKHIDMATAN TERDAHULU

Dengan berkuatkuasanya pekeliling Perkhidmatan ini :

- Lampiran C, perenggan 3 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 tahun 2002 adalah dibatalkan.
- Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 20 Tahun 2005 adalah dibatalkan.
- Pekeliling perkhidmatan Bilangan 14 tahun 2008 adalah dibatalkan.

Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai  
**1 Januari 2016.**

**SEKIAN  
TERIMA KASIH**

**I ♥  
Utm**